

PENYATA PENERUS

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Forest Industries Berhad ("LFIB" atau "Kumpulan") bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2017.

PRESTASI KEWANGAN

Kumpulan mencatatkan pencapaian sederhana dalam tahun kewangan ini disebabkan oleh permintaan domestik yang perlahan terhadap produk dan perkhidmatan kita. Keadaan pasaran global dan domestik yang tidak menentu terus memberi cabaran kepada persekitaran perniagaan dalam Tahun Kewangan 2017 ("TK2017"). Impak yang amat ketara dapat dilihat dalam perniagaan bahan binaan kita yang berkait rapat dengan sektor pembinaan dan pembangunan hartanah kekal merosot disebabkan oleh keadaan pasaran yang lemah dan syarat pemberian pinjaman yang lebih ketat dikenakan oleh institusi-institusi kewangan. Perniagaan minyak pelincir kita, bagaimanapun berkembang seperti mana yang dijangkakan, untuk mencatat pertumbuhan jualan dan keuntungan di sepanjang tahun berkenaan.

Bagi TK2017, Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM339.7 juta iaitu 40% lebih rendah berbanding dengan RM565.1 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan lalu. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan dalam sumbangan daripada Bahagian Bahan Binaan kita. Keuntungan operasi berkurangan kepada RM16.0 juta daripada RM25.0 juta pada tahun lalu.

Kumpulan telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM16.7 juta selepas mengambil kira sumbangan keuntungan daripada syarikat bersekutu kita sebanyak RM17.7 juta dan kerugian rosot nilai ke atas saham yang disebut harga sebanyak RM11.0 juta. Keuntungan ini adalah pemulihan daripada kerugian sebanyak RM379.9 juta pada tahun lepas termasuk kerugian rosot nilai terhadap bayaran belum terima sebanyak RM397.2 juta.

Jumlah aset bersih Kumpulan bertambah baik kepada RM536.3 juta daripada RM515.3 juta pada tahun sebelumnya dengan aset bersih sesaham adalah sebanyak RM2.35, iaitu meningkat sebanyak RM0.10 berbanding pada tahun sebelumnya.

PROSPEK

Persekitaran operasi yang mencabar dijangka berterusan sehingga tahun kewangan akan datang berikutan ketidakpastian semasa yang menjejaskan ekonomi tempatan dan juga dunia. Nilai mata wang Ringgit

Malaysia dan komoditi dijangka kekal mengalami kemaruahan atau turun naik dalam jangka masa terdekat, sektor hartanah yang turut diceburi Kumpulan melalui kegiatan pembekalan bahan binaan akan terus lemah.

Kumpulan akan terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mendepani cabaran-cabaran ini dan akan terus menerokai dan mengenal pasti peluang dan bidang pertumbuhan baharu termasuk di luar negara. Kumpulan juga akan meningkatkan usaha ke arah memperluaskan rangkaian produk dan perkhidmatannya untuk memenuhi keperluan pelanggan dan mengurangkan kos operasi bagi mencapai pertumbuhan keuntungan dalam tahun kewangan berikutnya dan juga bagi tempoh jangka panjang, sambil mewujudkan nilai kepada para pemegang kepentingannya.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Pada 14 April 2017, Lion AMB Resources Berhad, anak syarikat milik penuh telah menandatangani perjanjian penjualan saham dengan Suzuki Motor Corporation untuk melupuskan keseluruhan pegangan ekuiti sebanyak 20% dalam syarikat bersekutunya Suzuki Motorcycle Malaysia Sdn Bhd bagi pertimbangan bayaran sebanyak RM17.3 juta ("Pelupusan"). Pelupusan ini telah dimuktamadkan pada 14 September 2017.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham, pembiaya, rakan perniagaan serta pihak berkuasa kerajaan dan kawal selia berkaitan atas sokongan dan keyakinan berterusan mereka terhadap Kumpulan.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan tulus ikhlas kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja atas dedikasi serta komitmen mereka kepada Kumpulan.

TAN SRI WILLIAM H.J. CHENG
Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Forest Industries Berhad ("LFIB" or "the Group") for the financial year ended 30 June 2017.

FINANCIAL PERFORMANCE

It has been a moderate year for the Group due to slow growth in domestic demand for our products and services. Uncertainties from both the global and domestic markets continued to pose challenges to the business environment for the Financial Year 2017 ("FY2017"). The impact is seen to be greater in our building materials business which is closely tied to the construction and property development sector that remained soft due to the weak market conditions and tighter lending from financial institutions. Our lubricant business on the other hand was very much on track, achieving sales and profit growth over the preceding year.

For FY2017, the Group registered 40% lower revenue of RM339.7 million compared with RM565.1 million recorded in the last financial year. The decrease was due mainly to a decline in contributions from our Building Materials Division. Profit from operations declined to RM16.0 million from RM25.0 million last year.

The Group posted a profit before tax of RM16.7 million after taking in the profit contributed by our associated companies of RM17.7 million and impairment loss on quoted shares of RM11.0 million. This is a turnaround from a loss of RM379.9 million last year that included an impairment loss on receivables of RM397.2 million.

The Group's net assets improved accordingly to RM536.3 million from RM515.3 million in the preceding year with net assets per share of RM2.35, which saw an increase of RM0.10 over the preceding year.

PROSPECTS

The challenging operating environment is anticipated to continue in the next financial year in view of the prevailing uncertainties affecting the global and local economies. With Ringgit Malaysia and commodities prices expected to stay volatile in the near term, the property sector to which the Group supplies its building materials, continues to remain soft.

The Group will remain vigilant and take proactive steps to meet these challenges by continuing to explore and identify opportunities and new growth areas including overseas. The Group will also step up on its efforts to widen its products range and services to meet customer needs and reduce operating costs to achieve profit growth for the next financial year and for the longer term, and at the same time creating value for the stakeholders.

CORPORATE DEVELOPMENT

On 14 April 2017, Lion AMB Resoures Bhd, a wholly-owned subsidiary company, entered into a share sale agreement with Suzuki Motor Corporation to dispose of its entire 20% equity interest in Suzuki Motorcycle Malaysia Sdn Bhd, an associated company, for a cash consideration of RM17.3 million ("Disposal"). The Disposal was completed on 14 September 2017.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors, I wish to express my deepest appreciation to our shareholders, financiers, business associates and the various governmental and regulatory authorities for their continuing support and confidence in the Group.

I would also like to convey my appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance, support and contribution.

Last but not least, my sincere thanks go to the management and staff for their dedication and commitment to the Group.

TAN SRI WILLIAM H.J. CHENG
Chairman

主席报告

我谨代表董事部，欣然提呈金狮森林工业有限公司(Lion Forest Industries Berhad)截至2017年6月30日会计年度的常年报告和经审核财务报表。

财务表现

对本集团而言，本会计年度的业绩颇为平平，这是由于国内对我们的产品与服务的需求增长缓慢。全球和国内市场不确定的因素，继续为2017年会计年度的营业环境构成很多挑战。我们的建筑材料业务受到相当大的冲击，因为这个部门的业务与建筑业和产业发展息息相关，由于市场情况疲弱，以及金融机构收紧贷款条件，建筑业和产业发展仍然低迷。在另一方面，我们的润滑油业务持续蓬勃，销售额和利润增长胜上一个会计年度。

在2017会计年度，本集团的营业额减少40%，为3亿3千970万令吉，上一个会计年度的营业额为5亿6千510万令吉。主要是建筑材料业务的贡献减少。营业利润减至1千600万令吉。上一个会计年度的营业利润为2千500万令吉。

本集团的税前利润为1千670万令吉，这包括分占联号的1千770万令吉利润以及股票投资减值1千100万令吉。与上一个会计年度的3亿7千990万令吉亏损相比，这是一个大逆转。上一个会计年度的亏损含应收账款减值准备3亿9千720万令吉。

本集团净资产相应增长，从上一个会计年度的5亿1千530万令吉增值到今年度的5亿3千630万令吉，每股净资产是2.35令吉，比上一个会计年度增长10仙。

展望

由于受到全球和本地经济的不确定因素影响，下一个会计年度的营商环境预料将会持续具挑战性。在短期内，令吉汇率和原产品的价格预料会继续波动，本集团供应建筑材料的建筑业预料会持续疲软。

本集团会保持警惕，并采取积极步骤应付这些挑战，继续探讨和鉴定机会以及新的成长领域（包括海外）。本集团也会加紧努力，致力于扩大产品范围和服务，以迎合客户的需求和降低营运成本，以便在下一个会计年度以及长期内获得利润增长，同时为利益相关者创造价值。

企业发展

在2017年4月14日，Lion AMB Resources Bhd（它是本集团的独资子公司）和 Suzuki Motor Corporation 达成协议，把它在 Suzuki Motorcycle Malaysia Sdn Bhd（它是本集团的联号）所持的全部20%股权以1千730万令吉现金脱售给 Suzuki Motor Corporation。此项协议在2017年9月14日完成。

鸣谢

我谨代表董事部，衷心感谢我们所有尊贵的股东们、金融机构、商业伙伴以及各政府单位，感谢他们继续给予本集团支持和对本集团有信心。

我也至诚感谢董事部成员，感谢他们给予珍贵的指导、支持和贡献。

最后，我衷心感谢管理层和全体职员对本集团尽忠职守和为工作献身的精神。

主席
丹斯里锺廷森